



POLISI KENDERAAN PERSENDIRIAN

Lembaran Pendedahan Produk

Nota Penting

1. Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Kenderaan Persendirian ini. Sila pastikan anda turut membaca terma dan syarat am polisi ini.
2. Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya Anda memohon untuk Insurans ini semata-mata untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak memberi gambaran yang salah ketika menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Anda memohon untuk insurans ini). Anda mesti menjawab soalan dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau pembatalan kontrak insurans anda.

Kewajipan pendedahan di atas akan diteruskan sehingga masa kontrak insurans anda dimasuki, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Selain menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau ketika anda memohon untuk insurans ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang diketahui mempunyai kaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta sekiranya sebarang maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon untuk insurans ini) adalah tidak tepat atau telah berubah pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda telah berkuat kuasa, diubah atau diperbaharui dengan kami.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan insurans terhadap liabiliti kepada pihak ketiga untuk kecederaan tubuh badan dan kematian, kerugian atau kerosakan harta pihak ketiga dan kerugian atau kerosakan kepada kenderaan anda akibat kebakaran yang tidak disengajakan, kecurian atau kemalangan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini meliputi:

Perlindungan	Komprehensif	Pihak Ketiga, Kebakaran & Kecurian	Pihak Ketiga
Liabiliti kepada pihak ketiga untuk: <ul style="list-style-type: none">• Kecederaan tubuh badan atau kematian• Kerugian/Kerosakan harta pihak ketiga	✓	✓	✓
Kerugian/Kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kebakaran yang tidak disengajakan atau kecurian	✓	✓	X
Kerugian/Kerosakan kepada kenderaan sendiri akibat kemalangan	✓	X	X
Manfaat pilihan yang anda ingin beli dengan membayar premium tambahan			
Liabiliti penumpang di sisi undang-undang kerana perbuatan cuai	Pilihan	Pilihan	Pilihan
Liabiliti dari segi undang-undang terhadap penumpang	Pilihan	Pilihan	Pilihan
Multi Drive Protector / Multi Drive Protector Plus	Pilihan	Pilihan	Pilihan
Multi Drive Bravo / Multi Drive Bravo Plus	Pilihan	-	-
Perlindungan untuk cermin depan/belakang, tingkap dan bumbung matahari	Pilihan	-	-
Perlindungan tambahan bencana khas seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya	Pilihan	-	-
Return-to-Invoice (RTI Gap)	Pilihan	-	-
Pampasan untuk tempoh pembaikan yang dianggarkan (CART)	Pilihan	-	-
Mogok, rusuhan dan kekecohan awam	Pilihan	-	-

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Nota:

Ia adalah satu kesalahan di bawah undang-undang Republik Singapura jika memasuki negara tersebut tanpa perlindungan liabiliti penumpang untuk insurans motor anda.

3. Apakah Tempoh Perlindungan dan Pilihan Pembaharuan?

Tempoh perlindungan adalah untuk satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.

4. Berapa premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang perlu anda bayar mungkin berbeza bergantung pada kelayakan diskau tanpa tuntutan (NCD), manfaat tambahan yang anda ingin sertakan dan keperluan pengunderaitan syarikat insurans:

- Amaun diinsuranskan dicatatkan di dalam jadual polisi*
- Ciri-ciri kenderaan anda seperti umur kenderaan, keupayaan enjin, buatan / model kenderaan dan lain-lain
- Ciri-ciri pemilik atau pemandu kenderaan seperti umur dan jantina
- Lokasi kenderaan diguna
- Pengalaman tuntutan

* Jumlah yang diinsuranskan harus berdasarkan nilai pasaran semasa kenderaan dengan merujuk kepada Sistem Intelijen Perniagaan Automotif ISM (ISM-ABI).

PILIHAN POLISI

Apabila membeli polisi sentiasa:

- Semak harga nilai pasaran kenderaan anda. Jika ia adalah kenderaan baru, jumlah diinsuranskan adalah harga beli.
- Pastikan kenderaan anda diinsuranskan dengan secukupnya kerana ia akan memberi kesan kepada jumlah yang anda boleh tuntut.

Beri semua fakta penting mengenai kenderaan anda, termasuk tentang kemalangan sebelumnya (jika ada), pengubahsuaian enjin dan lain-lain. Jika ragu-ragu, sila bertanya kepada pengantara insurans anda/kakitangan perkhidmatan pelanggan kami.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- i. Komisen yang dibayar kepada pengantara insurans (jika ada): 10% daripada premium
- ii. Duti Setem: RM10.00
- iii. Cukai Perkhidmatan: 8% daripada premium

Kebolehgunaan duti setem dan cukai perkhidmatan yang digunakan, atau sebarang cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia yang berkuat kuasa.

6. Apakah antara terma-terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

- **Kewajipan Pendedahan :**

a. Kontrak Insurans Pengguna

Dimana insurans yang anda pilih ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) contohnya, anda sepatutnya menjawab semua soalan dengan sepenuhnya dan tepat. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab apa-apa soalan boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda mengikut Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Anda juga dikehendaki mendedahkan lain-lain perkara yang anda tahu sebagai berkaitan dengan keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

b. Kontrak Insurans Komersial

Dimana insurans yang anda pilih ini berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu sebagai berkaitan kepada keputusan kami sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai, serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan kami mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan anda, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans anda.

Anda juga bertanggungjawab memberitahu kami serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda berkuat kuasa, semasa memohon dengan kami untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

Berikut adalah contoh-contoh tindakan yang boleh kami ambil terhadap anda jika anda memberi pernyataan salah tentang mana-mana fakta kepada kami sebelum polisi berkuat kuasa:

- *isyitharkan polisi anda sebagai terbatal dari mula lagi (iaitu polisi dianggap tidak sah), dan kami boleh tidak pulangkan apa-apa premium;*
- *batalkan polisi tersebut dan pulangkan premium setelah ditolak caj pembatalan atau menuntut premium yang belum dibayar;*
- *singkir satu atau lebih pemandu dinamakan dari polisi anda dan selaraskan premium anda;*
- *tuntut semula apa-apa kekurangan premium yang tidak dikenakan;*
- *tolak mana-mana tuntutan yang telah atau akan dikemukakan di bawah polisi; atau*
- *berhak menuntut kembali daripada jumlah mana-mana tuntutan yang telah dibayar di bawah polisi atau mana-mana tuntutan yang terpaksa kami bayar kerana undang-undang jalan raya termasuk kos membuat tuntutan.*

- **Nilai diinsuranskan/amaun diinsuranskan**

Sekiranya anda membeli polisi untuk melindungi kerugian/kerosakan kepada kenderaan anda, anda perlu memastikan kenderaan anda diinsuranskan dengan secukupnya kerana ia akan memberi kesan kepada jumlah yang anda boleh tuntut sekiranya berlaku kerugian/kerosakan. Nilai diinsuranskan adalah harga pasaran kenderaan anda semasa anda memohon polisi insurans.

- **Nilai Pasaran**

Ini merujuk kepada kos yang munasabah untuk membeli kereta lain dengan jenama, model, usia, dan keadaan umum yang sama seperti kenderaan anda pada masa kehilangan. Nilai pasaran kenderaan anda akan ditentukan berdasarkan pilihan yang anda buat semasa membeli polisi. Jika anda memilih Sistem Penilaian Pasaran yang diluluskan oleh Persatuan Insurans AM Malaysia (PIAM), nilai akan berdasarkan sistem tersebut. Jika tidak, nilai akan ditentukan oleh pejabat utama pemegang francis kereta. Jika nilai ini tidak tersedia, seorang penilai yang dipersetujui oleh anda dan syarikat insurans akan menentukan nilai tersebut.

- **Nilai Yang Lebih Rendah Daripada Nilai Pasaran**

Sekiranya anda menginsuranskan kenderaan anda pada nilai yang lebih rendah daripada nilai pasaran, anda akan dianggap membayar sendiri perbezaan nilai tersebut, iaitu, jika berlaku kerugian/kerosakan, akan hanya dibayar sebahagian ganti rugi (setakat bahagian yang diinsuranskan) oleh syarikat insurans anda.

- **Nilai Yang Lebih Tinggi Daripada Nilai Pasaran**

Sekiranya anda menginsuranskan kenderaan anda pada jumlah yang lebih tinggi daripada nilai pasaran, pampasan maksimum yang akan anda terima adalah mengikut nilai pasaran kenderaan tersebut dan pemegang polisi tidak boleh 'mendapat keuntungan' daripada tuntutan insurans motor.

- **Lebihan (Ekses)**

Juga dikenali sebagai 'deduktibel'. Ini adalah jumlah kerugian yang perlu anda tanggung sebelum syarikat insurans anda membayar baki tuntutan kerosakan kenderaan anda.

- **Lebihan Wajib (Ekses Wajib) RM400**

Jika kenderaan anda dipandu oleh orang yang tidak dinamakan dalam polisi anda atau jika pemandu adalah di bawah umur 21 tahun atau memegang lesen memandu Percubaan (P) atau Sementara (L).

- **Nilai Dipersetujui**

Nilai Dipersetujui adalah jumlah yang telah ditetapkan setelah perbincangan dan persetujuan antara anda dan syarikat insurans anda semasa anda membeli atau memperbaharui polisi. Ia memberikan kepastian mengenai pampasan yang akan anda terima daripada syarikat insurans anda, tolak sebarang lebihan (jika berkenaan), sekiranya kereta anda dicuri atau musnah sepenuhnya. Nilai pasaran kenderaan anda pada masa kehilangan tidak akan diambil kira dalam keadaan sedemikian.

- **Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)/ "Non Claim Discount" (DTT/NCD)**

DTT merupakan suatu ganjaran yang diberi dalam bentuk diskau jika anda tidak membuat tuntutan dalam tempoh insurans sebelum ini dengan syarat tempoh insurans tersebut melebihi setahun.

- **Bayaran Sebelum Perlindungan/ "Cash Before Cover" (BSP/CBC)**

Premium sepenuhnya perlu dibayar sebelum tarikh mula perlindungan insurans. Insurans ini akan terbatal secara automatik sekiranya syarat ini tidak dipatuhi.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai lengkap terma dan syarat di bawah polisi ini.

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak memberikan perlindungan terhadap kerugian tertentu, sebagai contoh:

- Kematian atau kecederaan anggota diri sendiri disebabkan oleh kemalangan kenderaan.
- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada penumpang-penumpang dalam kenderaan anda.
- Kecurian aksesori bukan kilang - kenderaan (stereo kereta, kerusi kulit, rim sukan dan lain-lain) kecuali diisyiharkan selainnya.
- Segala kerugian turutan, susut nilai, haus dan lusuh, kegagalan/kerosakan mekanikal atau teknikal, dan
- Kerugian/kerosakan akibat daripada bencana alam seperti banjir, ribut atau tanah runtuh.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh bagi terma dan syarat di bawah polisi ini.

Walau bagaimanapun, anda boleh membayar premium tambahan untuk melindungi pengecualian di atas, contohnya banjir atau liabiliti anda terhadap tuntutan bagi penumpang anda. Cermin depan dan aksesori kenderaan perlindungan juga boleh diambil kira untuk memelihara "Diskaun Tanpa Tuntutan" anda sekiranya berlaku kerugian/kerosakan.

8. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Semasa pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik premium berdasarkan pro-rata bagi tempoh yang belum tamat dikira dari tarikh penerimaan notis bertulis jika kenderaan anda telah dilindungi dengan kami secara berterusan lebih daripada dua belas (12) bulan atau kadar jangka pendek sekiranya kenderaan anda tidak terus diinsuranskan dengan kami untuk lebih daripada dua belas (12) bulan. Premium minimum yang dibayar di bawah polisi ini tidak akan dikembalikan. Bayaran balik premium adalah dibenarkan dengan syarat tiada tuntutan timbul semasa tempoh insurans semasa kemudian.

9. Di manakah saya boleh menghantar kereta saya untuk perkhidmatan pembaikan kemalangan?

a. Anda boleh menghantar kereta anda ke bengkel pembaikan motor yang tersedia di bawah panel bengkel yang diluluskan oleh kami.

- Kami akan memastikan jumlah panel bengkel yang diluluskan oleh kami adalah mencukupi untuk memberi keselesaan dan kemudahan akses kepada anda.
- Kegagalan untuk menghantar kereta anda ke panel bengkel yang diluluskan oleh kami akan dianggap sebagai pelanggaran terhadap syarat polisi ini dan kami boleh menolak sebarang tuntutan anda dengan syarat polisi ini.
- Sekiranya tiada panel bengkel yang diluluskan di mana-mana lokasi berhampiran semasa berlakunya kejadian, kami boleh atas budi bicara kami memilih sama ada:
 - Untuk membantu anda mengakses panel bengkel kami yang terdekat dan mengatur perkhidmatan menunda ke bengkel terpilih tersebut tanpa sebarang kos kepada anda; atau
 - Membenarkan kenderaan yang rosak dibawa ke bengkel pembaikan motor berhampiran yang telah diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) di bawah Skim Pembaikan Kelulusan PIAM (PARS).

Atau

b. Mana-mana bengkel lain yang kami beri kebenaran khas kepada anda untuk digunakan termasuk:

- Apabila tiada bengkel yang diluluskan oleh PIAM di bawah PARS tersedia di lokasi kereta anda dan kami tidak dapat membantu anda mengakses bengkel terdekat yang diluluskan oleh PIAM di bawah PARS.
- Pembaikan yang memerlukan kapakaran khas daripada pembaikan khusus yang tidak boleh disediakan oleh panel bengkel kami yang diluluskan oleh kami
- Pembaikan francais

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menjurut dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

11. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk ini atau produk-produk lain yang serupa, sila menghubungi kami atau pengantara insurans anda atau layari laman web www.generali.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Generali Insurance Malaysia Berhad
No. Pendaftaran: 197501002042 (23820-W)
Pusat Khidmat Pelanggan Generali
Level 1, Menara Generali,
27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121
E-mel: customer.service.gi@general.com.my
www.generali.com.my

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMASTIKAN BAHAWA KENDERAAN ANDA DIINSURANSKAN DENGAN JUMLAH YANG SESUAI KERANA IA AKAN MEMPENGARUHI JUMLAH YANG BOLEH ANDA TUNTUT. SEKIRANYA BERLAKU KEMALANGAN, ANDA DINASIHATKAN UNTUK BERURUSAN DENGAN BENGKEL YANG DILULUSKAN. JIKA ANDA MEMPUNYAI PERLINDUNGAN KOMPREHENSIF DAN ANDA TIDAK BERSALAH, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGEJEMUKAKAN TUNTUTAN KEPADA SYARIKAT INSURANS ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang terpakai dinyatakan dalam kontrak polisi.

Generali Insurance Malaysia Berhad dilesenken di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam pendedahan ini adalah sah pada 24 Februari 2025.